



AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

AADK TIDAK BERKOMPROMI TERHADAP SALAH LAKU INTEGRITI DAN RASUAH

KAJANG, 2 Mac 2026 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada laporan media berhubung tangkapan dua kakitangan agensi di Terengganu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan disyaki meminta dan menerima rasuah sebagai balasan membawa masuk barang terlarang untuk penghuni pusat pemulihan.

AADK melahirkan penghargaan kepada SPRM diatas tindakan susulan yang diambil hasil daripada laporan AADK berhubung wujudkan salah laku dan pelanggaran integriti oleh kakitangan AADK tersebut. AADK menyerahkan proses siasatan kepada pihak SPRM dan komited untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam siasatan tersebut.

AADK menegaskan tidak sama sekali akan berkompromi mahu pun melindungi mana-mana kakitangan yang terlibat dalam salah laku dan pelanggaran integriti yang boleh menjejaskan reputasi agensi serta perkhidmatan awam.

AADK memandang insiden ini sebagai satu perkara yang memerlukan perhatian serius. Sehubungan itu, AADK ingin menegaskan perkara berikut:

- i. AADK akan memberikan kerjasama sepenuhnya dan akses kepada segala maklumat yang diperlukan oleh pihak SPRM bagi memastikan siasatan dapat diselesaikan dengan telus, adil, dan menyeluruh.
- ii. Selari dengan prinsip tadbir urus yang baik, AADK akan mengambil tindakan dalaman yang sewajarnya berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993,

bergantung kepada perkembangan hasil siasatan rasmi.

- iii. AADK akan membuat penilaian serta menambah baik keberkesanan Prosedur Operasi Standard (SOP) di fasiliti AADK bagi menutup sebarang ruang yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak pada masa hadapan.
- iv. AADK bertekad sepenuhnya untuk membanteras sebarang bentuk salah laku dan rasuah dalam kalangan warga kerja secara menyeluruh. Tindakan paling tegas dan agresif akan diambil terhadap mana-mana kakitangan yang terbukti terlibat dalam kes pelanggaran integriti dan berdepan tindakan perundangan serta boleh dibuang kerja sekiranya didapati bersalah.

TAMAT



DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN